

# Shafie terima watikah sebagai Pro Canselor UMS baharu

UB 25.11.2018 A1

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melangsungkan pemasyhuran dua Pro-Canselor baharu pada Majlis Konvokesyen UMS ke-20, di Dewan Canselor, pada Sabtu.

Penerimaan watikah pemasyhuran didahului Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal dan disusuli Pengerusi Eksekutif Amcorp Group Berhad Tan Sri Azman Hashim.

Penyampaian watikah pemasyhuran disempurnakan dengan

penuh istiadat oleh Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin merangkap Canselor UMS di hadapan 793 graduan sidang pertama.

Ia turut disaksikan oleh pegawai pengurusan tertinggi universiti serta ribuan ibu bapa dan ahli keluarga graduan.

Kedua-dua mereka masing-masing dilantik sebagai Pro-Canselor UMS oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berkuat kuasa pada tarikh 1 Oktober 2018 hingga 30 September 2021.

Shafie, seorang anak jati Sabah berasal dari Semporna adalah tokoh

pemimpin yang tidak asing lagi di negeri ini.

Dilahirkan pada 20 Oktober 1957, beliau mendapat pelajaran menengah di Victoria Institution, Kuala Lumpur sebelum memperolehi Diploma dalam Pengurusan dan Perkapalan dari Kolej Perniagaan London dan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi dengan Kepujian daripada Politeknik Staffordshire Utara di England.

Beliau memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Ahli Ekonomi di Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada tahun 1982, dan

pernah menyandang beberapa jawatan termasuklah sebagai Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah, dan Penolong Setiausaha Kanan di Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Luar Bandar Sabah.

Beliau memulakan karier politik pada tahun 1991 apabila dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Sakaran Dandai.

Sepanjang penglibatannya dalam arena politik tanah air, beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Menteri

Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Timbalan Menteri Pertahanan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia, Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, serta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Pada tahun 2016, beliau menubuhkan Parti Warisan Sabah (Warisan) dan partinya itu telah membuat coretan sejarah baharu buat negeri Sabah apabila memenangi Pilihanraya Umum ke-14 dan berjaya membentuk kerajaan baru Sabah. Kini, beliau adalah Ketua Menteri Sabah.



**SHAFIE** (kiri) menerima watikah pelantikan sebagai Pro-Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu disampaikan Tun Dr Juhar sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-20 pada Sabtu. [GambarBernama](#)